

Tangkapan 10 orang termasuk anak lelaki Nik Aziz di bawah ISA PM: Bukan bermotif politik

UMUT 7 AUG 2001

Oleh AHMAD NAZRI HASHIM
dan BORHAN ABU SAMAH

LUMUT 6 Ogos — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menafikan dakwaan pembangkang kononnya penahanan 10 orang termasuk anak lelaki Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) baru-baru ini bermotifkan politik.

Beliau berkata: "Kalau cerita politik, Nik Aziz, Hadi Awang, Lim Kit Siang, Fadzil Noor, kesemuanya kepala (pemimpin) besar, dah kita tangkap.

"Tetapi kita tak tangkap kerana (mereka) tidak kacau. Kalau ada tunjuk bukti kacau, kita tangkap juga."

Dr. Mahathir menyatakan demikian ketika mengulas tindakan polis yang menangkap 10 orang termasuk anak Nik Aziz, Nik Adli, 34, kerana disyaki terlibat dalam Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM) di bawah ISA.

● ISA bukan untuk menganiaya — Muka 2

Bercakap pada sidang akhbar selepas melawat ke PSC Naval Dockyard Sdn. Bhd. di sini, Perdana Menteri berkata:

"Kita tidak hendak rusuhan dan kegawatan berlaku dalam negara kita. Sebab itu kita ambil tindakan apabila kita dapati ada tanda bahawa pihak tertentu sedang merancang untuk cetuskan huru-hara dalam negara."

Menurut Dr. Mahathir, kerajaan bertanggungjawab terhadap keselamatan negara.

Oleh sebab itu, katanya, sesiapa juga yang mengancam keselamatan negara

■ Lihat muka 4

akan berhadapan dengan tindakan pencegahan mengikut undang-undang pencegahan iaitu ISA.

"Dia (parti pembangkang) boleh protes tetapi dia bukan bertanggungjawab tetapi kita (kerajaan) yang bertanggungjawab," tegasnya.

Menurut Dr. Mahathir, kerajaan menitikberatkan langkah pencegahan daripada hanya mengubat penyakit.

"Kita ambil tindakan pencegahan masukkan mereka yang merancang untuk mengugat kestabilan negara. Negara lain pun buat macam itu juga tetapi mereka lebih dahsyat daripada kita. Mereka sampai sanggup membunuh orang yang mereka anggap membuat sesuatu jenayah," jelas beliau.

Bagaimanapun, beliau berkata, kerajaan tidak berbuat sebagaimana yang dilakukan di negara asing.

Dr. Mahathir berkata, kegiatan kumpulan itu perlu diawasi segera kerana dahulu jarang berlaku se-

PM: Bukan bermotif politik

rangan terhadap balai polis untuk merampas senjata, meletupkan bom di tempat tertentu, merompak bank, malah, seorang Anggota Dewan Undangan Negeri dari Barisan Nasional ditembak mati.

Tentang penglibatan anggota tentera dalam kegiatan jenayah, Dr. Mahathir berkata, ia mungkin berlaku kerana mereka terdedah kepada hasutan dan kehairahan mencari kekayaan dan berdasarkan kebolehan menggunakan senjata.

"Tapi kita bersyukur kerana ada ibu bapa yang sanggup memujuk anak mereka menyerah diri. Ini satu sikap dan tanggungjawab yang kita hargai," katanya.

Mengulas kenyataan Nik Aziz yang mengakui anaknya pernah ke Afghanistan, Dr. Mahathir berkata, Menteri Besar Kelantan itu sebenarnya tidak tahu apa yang anaknya lakukan.

Beliau memberitahu, anak lelaki Nik Aziz itu ditahan di bawah ISA kera-

na terlibat dalam gerakan menjatuhkan kerajaan secara kekerasan.

"Setakat mana dia (Adli) terlibat, kita belum dapat tentukan, tetapi apa yang kita tahu, dia anggota Kumpulan Mujahidin Malaysia, sebab itu dia ditangkap."

Ditanya sama ada kerajaan akan mengawasi guru agama pondok yang mungkin terlibat dalam KMM, Dr. Mahathir berkata, pihak berkuasa perlu melihat pada semua pihak.

"Seorang yang ditahan kononnya penjual kuih. Nampak macam orang biasa yang tidak mungkin melakukan apa-apa kesalahan. Rupa-rupanya terlibat dengan kumpulan ini, belajarnya buat bom dan letupkan bom," katanya.

Di Kuala Lumpur, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi turut menegaskan, penangkapan Nik Adli di bawah ISA bukan bermotifkan politik.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, ISA

digunakan bagi melindungi negara daripada sebarang ancaman dan pihak polis terpaksa bertindak menangkap Nik Adli kerana beliau disyaki melakukan kesalahan.

"ISA tidak bertujuan melindungi kepentingan Barisan Nasional (sebaliknya) bagi melindungi rakyat dan negara daripada ancaman. Apa kita boleh buat sebab secara kebetulannya beliau (Nik Adli) adalah anak Nik Aziz. Pihak polis perlu bertindak terhadapnya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pembukaan pejabat pertama Syngenta Crop Protection Sdn. Bhd., di Hotel Palace of Golden Horses, Seri Kembaran hari ini.

"Kita mahu negara terus aman dan selamat untuk membina kemakmuran melalui pembangunan berteknologi tanpa diganggu oleh kejadian rusuhan, pergaduhan dan sebagainya," katanya.